




PELAN ANTIRASUAH

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (N) SABAH

2021 - 2025



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (N) SABAH

Tingkat 10, Blok B, Wisma MUIS, 88999 KOTA KINABALU
TEL :6088-287555/566 FAX :6088-240533/237788

HAK CIPTA TERPELIHARA - Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeskplotasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah dilarang serta tidak dibenarkan sama sekali.

PENAFIAN - Maklumat yang terkandung dalam pelan ini adalah khusus untuk kegunaan Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS). Sebarang pindaan maklumat yang terkandung dalam pelan ini boleh dibuat pada bila-bila masa tanpa sebarang notis. Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesilapan akibat penggunaan maklumat yang terkandung di dalamnya.



YANG BERHORMAT DATUK ELLRON ANGIN **MENTERI BELIA DAN SUKAN NEGERI SABAH**

Saya merakamkan jutaan terima kasih kerana diberi ruang untuk menukilankan sepatah dua kata dalam buku Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) 2021-2025.

Sebagai sebuah Kementerian yang berada di barisan hadapan untuk rakyat terutama sekali golongan Belia dan para Atlet, Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah kerap menghadapi pelbagai situasi serta sentiasa memikirkan keperluan mereka demi mencapai matlamat Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya.

Syukur kepada Tuhan Yang Maha Esa dengan limpah kurnia Nya, Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS) 2021-2025 dapat direalisasikan dengan jayanya, meskipun Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah pada 09 Disember 2020 yang lalu.

Tahniah saya rakamkan kepada semua barisan pegawai Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah yang diketuai oleh Datuk Mansur Hj. Asun dalam mengerah idea dan pelan tindakan wajar dalam penggubalan buku Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) 2021-2025.

Saya pasti Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) Kementerian mempunyai objektif yang jelas, dan setiap unsur rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa jika tidak ditangani, semua program dan aktiviti yang akan dilaksanakan tidak akan mencapai outcome yang dikehendaki. Natijahnya, kualiti dan keberkesanan program yang dirancang serta dilaksanakan terhadap kumpulan sasaran akan turut terjejas.

Sesungguhnya dengan pembentukan Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) Kementerian, semua harapan dan aspirasi Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) dalam mencegah rasuah serta unsur-unsur sewaktu dengannya, dapat dicapai dengan jayanya seiring dengan matlamat Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya. Saya percaya ianya akan terus membantu Kementerian dalam memastikan dasar kerajaan yang dilaksanakan yang diterapkan dengan elemen integriti, anti rasuah dan tadbir urus baik, akan tercapai dengan jayanya.

Sekian.

**Menteri Belia dan Sukan
Negeri Sabah (KBSS)**



YANG BERHORMAT DATUK FAIRUZ BIN RENDDAN PEMBANTU MENTERI BELIA DAN SUKAN (N) SABAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah berjaya menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP).

Sekalung tahniah diucapkan kepada semua warga Kementerian yang terlibat dalam membangunkan pelan ini. Inilah hasrat kita bersama untuk memastikan Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) dikenali dengan Integriti dan bukannya rasuah.

Saya percaya pelan ini dibentuk melalui penyatuan semua idea serta usaha berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah dalam satu tujuan yang sama. Saya juga berharap warga Kementerian akan memberikan sepenuh komitmen dalam usaha-usaha tindakan yang dirancang dalam buku Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) Kementerian, kerana sebagai penjawat awam nilai etika, jati diri dan integriti yang tinggi adalah perkara utama perlu kita sama-sama hayati dan amalkan.

Kejayaan dalam membanteras rasuah tidak akan tercapai tanpa komitmen daripada semua pihak. Pematuhan kepada peraturan yang berkuat kuasa amatlah penting bagi memastikan akauntabiliti dan ketelusan dalam pelaksanaan dan penyampaian perkhidmatan awam.

Bersama-samalah kita berpadu tenaga dan usaha untuk meningkatkan tahap integriti agar dapat menjadikan Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah sebagai organisasi yang cemerlang dan bebas rasuah.

Sekian.



Pembantu Menteri Belia dan Sukan Negeri Sabah (KBSS)

PERUTUSAN

DATUK MANSUR HJ. ASUN

SETIAUSAHA TETAP KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SABAH (KBSS)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) untuk Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah yang komprehensif berjaya dihasilkan.

Saya memetik kata-kata Ketua Setiausaha Negara yang menekankan “Do the right thing right for the first time” . Kesalahan atau kesilapan bukanlah satu pilihan. Budaya kerja berintegriti, menepati janji dan masa serta amanah dalam setiap tindakan adalah faktor kecemerlangan perkhidmatan awam amnya dan Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) khususnya.

Kita sering melihat serta mendengar ulasan, pandangan serta tohmahan masyarakat dalam media sosial. Perkara ini adalah trend semasa luahan masyarakat akibat terdapat unsur-unsur pilih kasih, salah guna kuasa, penyelewengan dan menjurus kepada amalan rasuah. Selaras dengan itu, prosedur sedia ada di Kementerian perlu dinilai semula dan ditambahbaik selaras dengan Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) Kementerian dan sasaran Kementerian adalah “Zero” kepada rasuah serta tohmahan masyarakat khususnya dan dari golongan Belia dan para Atlet khususnya.

Keperluan kawalan yang ketat terutama sekali dalam proses perolehan serta pengurusan dana atau bantuan merupakan tugas utama (Core Business) yang berisiko mungkin mendapat atau mengundang kepada tohmahan. Kepada semua Ketua Bahagian, pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) Kementerian, adalah satu kewajipan dan tanggungjawab bersama.

Sebagai pegawai Kementerian, pikullah bersama penghayatan prinsip nilai-nilai murni. Semua warga Kementerian hendaklah mengambil serius pelaksanaan pelan ini serta memahaminya dengan sejelas-jelasnya. Saya berdoa agar pegawai Kementerian sentiasa waspada sebelum bertindak. Bekerjalah demi kebaikan semua, kerana keluarga serta Allah SWT dan bukannya kerana seseorang yang punya agenda lain.

Sekian.



**Setiausaha Tetap Kementerian Belia
Dan Sukan Negeri Sabah (KBSS)**

PENYATAAN KOMITMEN

Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) 2021-2025 merupakan dasar antirasuah di peringkat Kementerian yang bertujuan untuk memperkukuhkan permasalahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

GOVERNANS



INTEGRITI



ANTIRASUAH



Adalah diharapkan supaya Pelan ini dijadikan panduan bagi semua warga Kementerian khususnya untuk memastikan pengurusan pentadbiran Kementerian bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional 'Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah' dan Sabah sebagai Sabah Maju Jaya.

Bagi memastikan kejayaan Pelan ini, kami warga Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) akan memberikan komitmen yang tinggi dalam memahami, mematuhi dan melaksanakan setiap inisiatif yang digariskan di dalam pelan ini dengan berkesan dalam usaha menjadikan Kementerian sebuah entiti yang berintegriti, cekap dan bebas rasuah.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) 2021-2025 yang dibangunkan adalah seiring dengan komitmen Kerajaan terhadap Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2, No.1 Tahun 2019 berkaitan pementapan governans, integriti dan antirasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran kerajaan melalui pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP) yang disempurnakan oleh Perdana Menteri pada 29 Januari 2019.

Melalui Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP), Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) 2021-2025 adalah berdasarkan kepada Strategi 1, 2 dan 3 iaitu:

1

Mempertingkatkan Keberkesanan dan ketelusan perolehan serta pengurusan kewangan,

2

Memperkukuhkan dan mempertingkatkan kapasiti ilmu pengetahuan setiap pegawai Kementerian; dan

3

Memperkasakan garis panduan dan tatacara penyaluran dana.

Selaras dengan itu bagi mencapai objektif ketiga-tiga Strategi ini, Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik adalah kunci utama yang perlu dipertingkatkan.

Sehubungan dengan itu, bagi mendokong Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik, Pelan Antirasuah Nasional atau lebih dikenali sebagai "National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023, Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) sekali lagi menegaskan akan memastikan pengurusan pentadbiran Kementerian bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah". Justeru Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) 2021-2025 ini adalah sebagai 'living document' utama Kementerian yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus dalam Kementerian bagi tempoh lima tahun akan datang (2021-2025).

Dokumen ini merupakan dokumen penting yang menjadi panduan kepada setiap pegawai dan kakitangan Kementerian bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti menerusi kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasaran.

VISI

Melahirkan warga Kementerian yang bebas rasuah dan salah laku melalui penetapan matlamat khusus iaitu meningkatkan kredibiliti dan akauntabiliti dalam proses penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasaran.

MISI

Memandu semua warga Kementerian untuk bersikap dan bertindak selaras dengan inisiatif yang digariskan di dalam pelan ini sebagai usaha untuk mencapai visinya.



SINGKATAN PERKATAAN

KBSS	Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah
OACP	Organisational Anti-Corruption Plan
NACP	Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
PELAN KBSS Sabah	Pelan Antirasuah Kementerian Belia dan Sukan (N)



ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1: PENGENALAN	20	BAHAGIAN 5: PENUTUP	54
LATAR BELAKANG		KESIMPULAN	
DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS		PENGHARGAAN	
ISU DAN CABARAN		JAWATANKUASA KERJA OACP	
PENILAIAN RISIKO ANTIRASUAH			
BIDANG-BIDANG YANG BERISIKO			
BAHAGIAN 2: SENARIO MASA DEPAN	32		
SENARIO MASA HADAPAN			
PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN			
BAHAGIAN 3: MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH	40		
KERANGKA PELAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN			
KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN 10 INISIATIF			
BAHAGIAN 4: TADBIR URUS	44		
PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN			
MEKANISME PENILAIAN			

BAHAGIAN 1

Bahagian ini merangkumi latarbelakang organisasi dan pelaksanaan inisiatif dalam usaha Kementerian untuk memerangi rasuah dan memupuk budaya integriti di kalangan warga Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS). Bahagian ini menyatakan penubuhan Kementerian, fungsi-fungsinya, misi, visi dan pemegang taruh.

BAHAGIAN 2

Memberi tumpuan kepada senario rasuah yang mungkin berlaku pada masa hadapan. Sesi perancangan senario telah dilaksanakan dalam mengenalpasti isu serta mengemukakan cadangan penyelesaian yang praktikal. Pembangunan OACP telah dilaksanakan melibatkan keseluruhan Bahagian di bawah Kementerian Belia dan Sukan Sabah dengan bantuan khidmat nasihat dan bimbingan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memberi panduan dan halatuju pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) 2021-2025. Sebanyak tiga (3) strategi telah digariskan di bawah pelan ini.

BAHAGIAN 3

Tiga (3) bidang keutamaan dalam Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS) 2021-2025 iaitu Sektor Perolehan, Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Dana. Daripada tiga (3) bidang keutamaan ini, tiga (3) strategi telah dikenalpasti yang membawa 10 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang (2021 hingga 2025).

BAHAGIAN 4

Memfokuskan kepada mekanisme pemantauan dan penilaian. Semua inisiatif yang dilaksana adalah bersesuaian dengan objektif yang dirangka. Ianya juga bagi memastikan jurang dalam pelaksanaan inisiatif supaya setiap apa yang dirancang dapat diselaraskan sewajarnya untuk mencapai hasrat yang ditetapkan. Pelan ini memerlukan komitmen dan kerjasama semua pihak. Ianya akan menjadi panduan terbaik dalam menangani risiko rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa di Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS).

BAHAGIAN 5

- Kesimpulan
- Penghargaan
- Jawatankuasa Kerja OACP

LATAR BELAKANG

Kementerian komited mempelopori sekaligus menerajui Agenda Transformasi Pemerkasaan Pembangunan Belia dan Kecemerlangan Sukan di Negeri Sabah. Teras Strategik Pembangunan Belia dan Kecemerlangan Sukan merangkumi Pemerkasaan Pembangunan Belia, Gerakan Budaya Belia Berpersatuan, Pembudayaan Sukan Massa, Kecergasan dan Gaya Hidup Sihat, Pengukuhan Sukan Berprestasi Tinggi, Pembangunan Industri Sukan, Peningkatan Kapasiti dan Pengurusan Organisasi, Pemantapan Jaringan Kerjasama dan Perkongsian Pintar serta Penyelidikan dan Pembangunan.

Bidang keberhasilan utama berpaksikan Sabah Cergas, Masyarakat Sihat, Aktif dan Progressif ke arah Visi Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya.

- **Bahagian Belia** ditubuhkan di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat melalui Kertas Kabinet No.110/65. Peranan dan tanggungjawab Bahagian berkenaan ketika itu lebih cenderung kepada penggalakkan ke arah perkembangan persatuan dan penglibatan belia dalam kegiatan-kegiatan berorganisasi berlandaskan 'Youth Welfare Policy'.

Berikut beberapa perubahan yang berlaku ke atas Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS):-

16 Oktober 1971

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah (KKBS) ditubuhkan. Penubuhan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah (KKBS) adalah usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan belia dalam arus pembangunan negara.

08 Jun 1998

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah (KKBS) kemudiannya **dijenamakan semula sebagai Kementerian Belia dan Sukan (KBSS)** selaras dengan penyusunan semula Kementerian-Kementerian Negeri.

20 Mac 1999

Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) sekali lagi **dijenamakan semula** dan dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Belia, Kebudayaan dan Kemajuan Sukan Sabah.

04 April 2001

melalui Mesyuarat Jemaah Menteri, Kementerian ini sekali lagi **dijenamakan semula** sebagai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

04 April 2001 dan kini

Kementerian ini dikenali semula sebagai Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS).

VISI

Belia Mandiri Berinovasi, Atlet Berani dan Berkeyakinan Tinggi.

MISI

Melengkapkan Belia dengan pelbagai program pembangunan dan kemahiran terkini ke arah pembentukan sikap bertanggungjawab, dinamik berdaya saing dan mandiri;

Membangun dan membimbing atlet untuk mencapai kecemerlangan sukan hingga ke peringkat antarabangsa/dunia; dan,

Menyebarkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti sukan dan rekreasi ke arah pembudayaan gaya hidup sihat.

MATLAMAT

Pengupayaan Belia dan Penyertaan Atlet Negeri Sabah hingga ke Podium melalui Rancangan Kerjasama, Tindakan Dan Sokongan Polisi yang komprehensif.

MOTO

Belia dan Sukan Aset Negera

OBJEKTIF

Pemerkasaan Pembangunan Belia Serta Meningkatkan kualiti Program Pembangunan Sukan berpaksikan Teras Sentuhan, Hala Tuju dan Dasar Pembangunan Sukan melalui:-

- i. Meningkatkan Gerakan Budaya Belia Berpersatuan;
- ii. Pemantapan Keupayaan dan Kapasiti Pengurusan Organisasi;
- iii. Penyelidikan dan Pembangunan (R & D);
- iv. Menggalakkan Jalinan Kerjasama dan Perkongsian Pintar di antara pihak Swasta, Masyarakat termasuk Masyarakat Antarabangsa;
- v. Menyediakan kemudahan sukan yang menepati piawaian, kondusif dan selamat; dan,
- vi. Merangka serta mengkaji semula Pelan Strategik Pembangunan Belia dan Sukan Negeri Sabah.

Fungsi Bahagian

BELIA

- Melengkapkan belia dengan pelbagai latihan, kemahiran vokasional 'soft skills' serta sifat-sifat keusahawanan agar mereka boleh berdikari melalui kursus secara formal dan 'ad-hoc'.
- Memberi penekanan kepada perubahan sikap bagi membentuk belia yang bertanggungjawab, dinamik, berdaya saing, maju serta mempunyai sikap dan kepimpinan yang baik melalui pelbagai program yang diadakan di peringkat daerah, zon, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.
- Menerajui kolaborasi dan perkongsian pintar.

SUKAN

- Memperluaskan penyertaan masyarakat dalam aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan selaras dengan konsep "sukan untuk semua" dan Dasar Sukan Negara untuk mewujudkan masyarakat sihat, cergas dan bersatu padu.
- Bertanggungjawab untuk menggalak, membangun dan meningkatkan pencapaian cemerlang dalam sukan yang dipertandingkan di peringkat tertinggi untuk menaikkan imej negeri dan negara.

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

- Pengurusan pentadbiran, pembangunan organisasi dan sumber manusia.
- Pengurusan kewangan berdasarkan outcome "Value for Money".
- Mengendali, mengelola dan mengenalpasti keperluan latihan, kursus, ceramah, seminar dan bengkel untuk pegawai dan kakitangan Kementerian dalam usaha untuk memperkayakan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang yang berkaitan.
- Memelihara, menyelenggaran dan mengemaskini laman web, bahan cetak, gambar, kertas kerja, rencana dan laporan tahunan serta menyebarkan maklumat kepada pegawai dan kakitangan dan orang awam melalui pameran, media elektronik dan cetak serta risalah.

PEMBANGUNAN

- Mengkaji, merancang, merumus dan memperakukan halatuju pembangunan prasarana belia dan kemudahan sukan selaras dengan Rancangan Lima Tahun Malaysia dan Rancangan Jangka Panjang Sabah bagi memastikan pembangunan yang seimbang antara bahagian dan daerah.
- Merancang, memastikan dan memantau keperluan kewangan tahunan untuk maksud pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan dan prasarana tersedia agar pelaksanaan projek siap mengikut jadual dan berkualiti.

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan dan menjadi panduan Kementerian ini iaitu:-

- **Pelan Integriti Nasional 2004 (PIN)**
- **Program Transformasi Kerajaan (GTP)**
- **Program Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0)**
- **Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023**

Pelaksanaan Dasar Integriti Dan Tadbir Urus Kementerian

Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam membantas rasuah. Bagi tujuan ini, Kementerian telah mengambil inisiatif selari dengan dasar dan tadbir urus nasional dengan membudayakan:-

- **Polisi Tiada Hadiah (2015)**
- **Kod Etika (2015)**
- **Pelan Integriti Organisasi (PIO) 2017-2021**
- **Ikrar Bebas Rasuah (IBR) – 2017**
- **Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) – 2019**
- **Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2020 -2025**

ISU DAN CABARAN

Masalah rasuah wujud dalam pelbagai keadaan, sektor dan bidang, tanpa mengira status atau kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Tekanan ekonomi dan sosial adalah penyebab membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam pengurusan awam. Secara amnya, cabaran yang dihadapi Kementerian dalam memerang rasuah seperti berikut:-

- **KURANG KEFAHAMAN & PEMANTAUAN**

Kurang kefahaman dan pemantauan dalam melaksanakan kawalan antirasuah mengakibatkan banyak inisiatif pencegahan rasuah dipandang remeh atau tidak popular untuk dikuatkuasakan. Sehubungan itu, Ketua Bahagian di Kementerian perlu tegas dan proaktif dalam menjayakan usaha-usaha pencegahan rasuah, termasuklah dalam aspek penilaian pelaksanaan program dan pemantauan.

- **PENGUNAAN TEKNOLOGI YANG TERHAD DALAM MEMERANGI RASUAH**

Keterbatasan penggunaan teknologi dalam menangani rasuah perlu diberi perhatian oleh semua. Ini adalah bagi memastikan isu keperluan strategik teknologi diberi penekanan untuk meningkatkan integriti, kebertanggungjawaban dan ketulusan, khususnya dalam bidang penguatkuasaan, perolehan, perlesenan dan perkhidmatan. Penggunaan teknologi moden penting untuk membendung rasuah di peringkat awal memandangkan teknologi menjadi sebahagian daripada ekosistem, keupayaan dan kemahiran kumpulan rakyat.

- **PERSEPSI NEGATIF MASYARAKAT**

Gejala rasuah sekiranya tidak dibendung akan menggambarkan imej negatif terhadap Kementerian sekaligus memberi perspektif yang kurang baik kepada masyarakat umum. Usaha-usaha membanteras rasuah ini diperhatikan tidak mendapat sokongan dan keyakinan masyarakat disebabkan persepsi negatif yang sudah tertanam di benak fikiran sejak dahulu lagi. Sehubungan itu, usaha-usaha berterusan dalam mempromosikan komitmen kerajaan untuk membanteras rasuah perlu diperluaskan dengan menggunakan pelbagai platform agar berupaya mengubah persepsi negatif tersebut.



PENILAIAN RISIKO ANTIRASUAH

SPRM bertanggungjawab melaksanakan penarafan risiko agensi bagi menetapkan model Unit Integriti yang bersesuaian. Penarafan risiko agensi awam dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu tinggi, sederhana dan rendah berpandukan situasi gejala rasuah di Kementerian, persepsi rasuah terhadap agensi, dana yang diperuntukkan, laporan aduan rasuah dan salah guna kuasa, jumlah bajet tahunan agensi dan bidang perkhidmatan teras.

Proses penilaian risiko Kementerian turut melibatkan analisis dan penelitian terhadap data-data yang diperolehi melalui semakan pakar, Model Strategi Antirasuah Global, Kaji Selidik Rasuah, Agensi Kerajaan dan Swasta serta input orang berkepentingan dan orang awam.

Maklumat dan data lain yang digunakan oleh Kementerian dalam mengenal pasti risiko rasuah adalah dengan merujuk Laporan SPRM, Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Tatatertib Kementerian dan Laporan Aduan Kementerian tiga tahun berturut-turut termasuk pelbagai aduan (Unit Integriti Jabatan Ketua Menteri, e-mail, Surat, Akhbar, Telefon, pengadu Hadir Sendiri, SMS, Facebook dan Pemakluman Menteri Belia dan Sukan Sabah (KBSS) serta Pembantu Menteri Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS).

BIDANG-BIDANG YANG BERISIKO

PEROLEHAN AWAM

Perolehan awam merujuk kepada pembelian barang, perkhidmatan dan kerja oleh Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) dan perusahaan milik awam. Oleh kerana perolehan awam melibatkan sejumlah wang pembayar cukai, Kementerian perlu melaksanakannya dengan cekap agar kepentingan awam dilindungi.

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Sektor awam mencakupi pengurusan hal ehwal pentadbiran di bawah kawalan kerajaan. Penyampaian perkhidmatan awam dilihat sebagai faktor penting yang mencerminkan imej negara. Asas bagi sektor pentadbiran awam terletak pada fungsi teras kerajaan untuk memastikan bahawa masyarakat pada umumnya menikmati hak mereka melalui penyampaian perkhidmatan yang disediakan, hasil dari dan nilai cukai. Adalah perlu untuk mengambil, pendekatan yang lebih luas dan sistematik serta membangunkan dasar yang sesuai dalam menguruskan kecekapan sektor awam demi meningkatkan kebertanggungjawabannya.

PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN

Pelaksanaan penguatkuasaan enakmen dan peraturan serta pematuhan SOP (**Standard Operating Procedure**) yang dikuatkuasakan sering dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa, campur tangan oleh pihak ketiga, kelemahan peruntukan undang-undang di dalam enakmen dan penguatkuasa yang kurang berintegriti yang akhirnya mendedahkan tugas-tugas penguatkuasaan kepada perlakuan rasuah dan salah guna kuasa. Maka, penguatkuasaan undang-undang perlu diperkasakan dari semasa ke semasa agar ianya lebih telus dan bebas dari sebarang anasir buruk bagi membolehkan semua anggota Kementerian menjalankan tanggungjawab.



SENARIO MASA HADAPAN

Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) sedar akan kesan apabila berlakunya intervensi dalam penggubalan dasar Kerajaan. Perubahan semasa dalam konteks sosial dan impaknya dalam menilai semula pendekatan dasar perlu diambil kira demi memastikan inisiatif hari ini masih relevan serta kompetitif pada masa hadapan. Dalam usaha ini diharap semua pegawai dan kakitangan Kementerian khususnya sentiasa berusaha menanam azam dan bersedia mendepani cabaran hidup era norma baharu dalam menangani rasuah.

SENARIO ANTIRASUAH 2030

Berikut merupakan beberapa senario antirasuah 2030 yang dijangka akan memberi kesan besar kepada tadbir urus dan usaha membanteras rasuah:-

- **Perancangan Senario**

Penggunaan perancangan senario penting sebagai:

- Mekanisme mengenal pasti peluang-peluang dan ancaman yang melangkaui batasan model-model dan data-data lampau.
- Instrumen pengurusan risiko yang penting.
- Indikator amaran terhadap keputusan-keputusan yang dibuat dalam pelbagai risiko sebagai alat penilaian untuk menggariskan strategi-strategi intervensi.

- **Senario**

Senario berikut mewakili masa hadapan yang berkemungkinan berlaku pasca pelancaran Pelan KBSS:

- **SENARIO KESINAMBUNGAN/CONTINUATION**

Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan Pelan KBSS tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau tidak mapan.

- **SENARIO KEKANGAN/LIMITS AND DISCIPLINED**

Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam Pelan KBSS tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran.

- **SENARIO PERKEMBANGAN/GROWTH**

Masa hadapan di mana hasil kewujudan Pelan KBSS telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah JKementerian yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai.

- **SENARIO MERUNDUM/DECLINE AND COLLAPSE**

Rasuah menjadi kelaziman dalam kalangan warga Kementerian pemegang taruh sekali gus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian.

SENARIO KESINAMBUNGAN (CONTINUATION)

SENARIO KEKANGAN (LIMITS AND DISCIPLINED)

SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)

SENARIO MERUNDUM (DECLINE AND COLLAPSE)

PELUANG YANG ADA

Pembaharuan dasar dalam aspek kandungan atau amalan untuk proses pelaksanaan yang lebih mapan amat penting lantaran mampu mengembalikan keyakinan pelanggan terhadap Kementerian.

Beberapa peluang yang mampu memperkukuh inisiatif antirasuah telah dikenalpasti melalui senario yang dibangunkan.

Penilaian Risiko dan Profil Pada Program Bahagian meliputi pelbagai mekanisme yang boleh digunakan oleh Kementerian untuk menjangka kebarangkalian rasuah berlaku secara dalaman mahupun luaran serta kesannya.

Membangunkan Indeks Penilaian Integriti untuk warga Kementerian mentafsir keupayaan Kementerian mengawal rasuah serta memastikan semua sumber awam dibelanjakan secara bertanggungjawab dan telus.

Penggunaan Sistem Pengurusan Antirasuah atau Sistem Pengurusan Risiko Rasuah. Pelaksanaan secara efektif sistem anti sogokan dan piawaian berkaitan akan membantu mengurangkan berlakunya risiko sogokan. Justeru, hal ini akan meyakinkan pemegang taruh bahawa amalan baik berkaitan kawalan anti sogokan yang mendapat pengiktirafan nasional telah dilaksanakan.



Reformasi Tadbir Urus. Dasar dan amalan baik dalam Kementerian yang menjadi petunjuk kepada ketelusan dan kebertanggungjawaban. Maka pembaharuan dasar dalam aspek kandungan atau amalan untuk proses pelaksanaan yang lebih mapan amat penting lantaran mampu mengembalikan keyakinan pelanggan terhadap Kementerian.

Penggunaan Sistem Berasaskan Teknologi Untuk Tujuan Analisis Perolehan dapat mengoptimumkan proses serta capaian strategik. Penggunaan teknologi secara berterusan akan memacu penambahbaikan proses, maklumat dan pemahaman yang akhirnya membawa kepada penjimatan.

Memaksimakan Penglibatan Warga untuk memastikan inklusiviti melalui penubuhan kumpulan pemerhati antirasuah (melalui perundangan dan imuniti) yang melibatkan: Pengurusan, Warga kerja, Pelanggan serta Pihak Berkepentingan.

Nilai Integriti dan Antirasuah oleh Pihak Luar adalah sangat penting bagi mewujudkan persekitaran kerja yang mampan dan lestari.



RISIKO YANG TERUNGKAI

Senario yang dibangunkan turut mengenalpasti risiko berikut :

Data Dan Maklumat Sebagai Komoditi yang mudah untuk dimanipulasi bagi tujuan kepentingan peribadi.

Pengaruh Pihak Luar Yang Mendesak boleh menjejaskan keputusan ketelusan pertimbangan sesuatu keputusan. Peranan Media Digital, Perubahan Perisian dan Perkakasan Lapuk. Pengurusan Jabatan perlu lebih teliti dalam mengendalikan teknologi digital dan ICT. Kegagalan dalam mengendalikannya dengan sempurna boleh mengakibatkan insiden kehilangan data. Pengaruh Pihak Luar Yang Mendesak boleh menjejaskan keputusan ketelusan pertimbangan sesuatu keputusan.

Media yang Prejudis menyebarkan maklumat palsu dan mempengaruhi pendapat awam. Perkara ini terjadi apabila media yang bersifat penyiasatan sudah tidak lagi wujud dalam media arus perdana. Media mula cenderung kepada bidang perhubungan awam dan menulis untuk memenuhi kehendak pihak berkepentingan.

Rasuah di Awal Perkhidmatan. Amalan rasuah yang terjadi di kalangan warga Kementerian di peringkat awal perkhidmatan menjadi barah dalam Kementerian. Pengesanan dan pencegahan awal mampu mengawal fenomena ini.

Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) mula dipersoal. NGO memainkan peranan untuk memastikan kebertanggungjawaban dalam sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, peranannya mula dipersoal akibat kelemahan dan kurangnya tadbir urus yang baik. NGO perlu bersedia untuk membangunkan piawaian yang diyakini dan diterima.

Kewujudan “Little Napoleons” Istilah Little Napoleons tercipta lebih sedekad lalu untuk menggambarkan warga Kementerian yang kurang membantu, sombong dan angkuh. Istilah ini boleh dianggap sebagai sindiran atau hinaan kerana Napoleon tidak memiliki ciri-ciri tersebut. Golongan ini boleh terus wujud walaupun dalam sebuah Kementerian yang telah melalui transformasi, melainkan tindakan tegas diambil untuk mengawalinya.



PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

Dengan membangunkan senario anti rasuah pada masa hadapan, kewujudan “Duri Dalam Daging” dapat dikesan. Justeru, pembuat dasar patut memberi lebih perhatian untuk menghadapinya.

“Wahyu” Tadbir urus yang baik bergantung kepada sistem semak dan imbang. Namun, tadbir urus yang baik ini sukar untuk direalisasikan akibat daripada pengaruh “wahyu” dalam membuat keputusan. Lebih buruk lagi, dengan ketiadaan mekanisme mengawal pengaruh wahyu, gejala ini akan berterusan.

“Pelan OACP KBSS dilihat hanya sebagai “Hangat-Hangat Tahi Ayam”. Kiasan ini digunakan untuk menggambarkan tentang dasar yang tampak hebat tetapi tidak memberi impak.

Pemegang taruh merasakan dasar yang diperkenalkan tidak mampu untuk bertahan dalam jangka masa panjang. Senario ini boleh berlaku ketika pertukaran kepimpinan atau pihak yang memperjuangkan agenda anti rasuah Kementerian.

Amalan Rasuah oleh Orang Awam, dan Pelanggan Kementerian Sebagai Cara Mencapai Matlamat Keuntungan. Ini boleh berlaku akibat kelemahan nilai integriti pegawai Kementerian di samping ketirisan dalam penyampaian perkhidmatan. Situasi ini mengakibatkan keputusan yang diambil dalam pentadbiran bertentangan dengan undang-undang, tidak rasional, tiada pertimbangan jitu serta tidak memenuhi prosedur yang adil.

Komplot oleh pihak luar terhadap warga Kementerian berkaitan sebarang projek, program dan tuntutan pembayaran akan mengakibatkan sesuatu kelulusan tidak wajar berlaku. Jangkaan Ancaman Terhadap Etika, Piawaian dan Integriti Merujuk kepada ancaman sistematik yang menggugat nilai, etika dan komitmen tadbir urus perkhidmatan awam.

BAHAGIAN 3: MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

KERANGKA PELAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN

Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) telah menetapkan tiga (3) bidang keutamaan iaitu;

- Sektor Perolehan
- Sektor Pengurusan Sumber Manusia
- Sektor Pengurusan Dana

Tidak dinafikan, Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) perlu menangani gejala rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan salahlaku integriti dengan segera dan mewujudkan sistem pentadbiran berintegriti tinggi demi kestabilan organisasi dan kesejahteraan warga Kementerian. Kelekaan dan kecuaian dalam menangani masalah rasuah dan integriti di dalam Kementerian bukan sahaja boleh menjejaskan imej organisasi malah boleh menyebabkan hasil dan kedaulatan negeri tergadai ke tangan pihak yang tidak sewajarnya. Lantaran itu, Pengurusan Tertinggi Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) telah menetapkan perancangan yang jauh lebih fokus dan berstruktur untuk memastikan warga Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) Visi “Ke Arah Membentuk Warga Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) Bebas Rasuah” dapat direalisasikan seiring dengan aspirasi Pelan Pembangunan Negeri iaitu ‘Sabah Maju Jaya’, dan Negara supaya “Malaysia dikenali kerana integriti bukannya rasuah”.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) telah menetapkan tiga (3) bidang keutamaan iaitu sektor perolehan dengan mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan serta pengurusan kewangan, sektor pengurusan sumber manusia dengan memperkukuhkan dan mempertingkatkan kapasiti ilmu pengetahuan setiap pegawai Kementerian serta sektor pengurusan dana dengan memperkasakan garis panduan dan tatacara penyaluran dana.

ASPIRASI

Kementerian Dikenali Kerana Integriti Dan Bukannya Rasuah

VISI

Ke Arah Membentuk Warga Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) Bebas Rasuah.

Memastikan warga Kementerian mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan tahap integriti yang tinggi dalam membendung salah laku dan jenayah rasuah serta pelanggaran tatakelakuan seiring dengan etika Kementerian.

MISI

Memperkukuhkan Governans, Integriti dan Antirasuah Warga Kementerian Melalui Pematuhan Terhadap Undang-Undang, Peraturan dan Arahan yang Berkuatkuasa.

Memastikan Kementerian dapat mengendalikan hal ehwal pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan secara cekap, berkesan, bebas rasuah serta responsif terhadap kehendak pelanggan berlandaskan prinsip, integriti dan kebertanggungjawaban.

MATLAMAT

Meningkatkan Akauntabiliti dan Kredibiliti dalam Proses Penyampaian Perkhidmatan Kementerian.

Mendapatkan kerjasama daripada warga Kementerian dalam membangunkan persekitaran kerja yang kondusif dan bebas daripada salah laku bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, amanah dan berintegriti.

KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN 10 INISIATIF

Ringkasan berikut menunjukkan 10 inisiatif yang perlu diberi keutamaan daripada keseluruhan yang telah dikenalpasti. Ia berdasarkan tiga (3) strategi utama berkaitan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban, pentadbiran awam dan perolehan awam. 10 inisiatif ini dikenalpasti berdasarkan jangkaan impak yang tinggi untuk menangani rasuah.

VISI	Ke Arah Membentuk Warga Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah Bebas Rasuah		
MISI	Memperkukuhkan Governans, Integriti dan Antirasuah Warga Kementerian Melalui Pematuhan Terhadap Undang-undang, Peraturan dan Arahan Yang Berkuatkuasa		
BIDANG KEUTAMAAN	Perolehan	Pengurusan Sumber Manusia	Pengurusan Dana
STRATEGI	Mencemerlangkan pengurusan kewangan dan akauntabiliti	Memperkukuhkan dan mempertingkatkan kapasiti ilmu pengetahuan setiap pegawai Kementerian	Memperkasakan garis panduan dan tatacara penyaluran dana
INISIATIF	Tiga (3) inisiatif dalam bidang keutamaan Perolehan seperti senarai berikut ; - Mematuhi semua arahan-arahan perbendaharaan dalam setiap perolehan. - Mengaudit pematuhan pelaksanaan prosedur kerja setiap aktiviti perolehan. - Penambahbaikan ketidakpatuhan prosedur.	Tiga (3) inisiatif dalam bidang keutamaan Pengurusan Dana seperti senarai berikut :- - Memastikan Pelan Latihan Organisasi dilaksanakan seperti yang dirancang. - Menilai keberkesanan kursus/latihan/bengkel yang dihadiri oleh setiap pegawai sebanyak tiga kali setahun. - Memberi penghargaan kepada pegawai yang cemerlang.	Empat (4) inisiatif dalam bidang keutamaan Pengurusan Dana seperti senarai berikut :- - Tatacara Pengurusan Dana Tahunan kepada agensi di bawah Kementerian: i. Majlis Sukan Negeri Sabah ii. Majlis Belia Sabah iii. Lembaga Sukan Sabah - Tatacara Pengurusan Dana Tahunan dari Kementerian dan agensi kepada: i. Persatuan/Kelab Belia ii. Persatuan/Kelab Sukan iii. Pemohon-pemohon Peruntukan Khas - Pelaporan penggunaan dana. - Pemantauan dan pengauditan tatacara pengurusan dana.

PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (N) SABAH (KBSS)

- 4.1 Prinsip Pengurusan Antirasuah Kementerian
- 4.2 Mekanisme Pelaksanaan
- 4.3 Kerangka Pelaksanaan Pelan OACP KBSS 2021-2025
- 4.4 Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian

4.1 PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN

Prinsip I: Komitmen Pengurusan Tertinggi

Pengurusan Tertinggi bertanggungjawab dalam memastikan organisasi mengamalkan integriti dan etika di tahap yang tertinggi dengan mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa serta menguruskan risiko rasuah utama organisasi secara berkesan. Pihak Pengurusan Tertinggi juga perlu memberi jaminan kepada pemegang taruh bahawa operasi Kementerian adalah mematuhi dasar-dasar dalaman dan keperluan yang digariskan dalam peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan. Ia termasuk menunjukkan teladan yang baik seperti menyatakan pendirian Kementerian berhubung larangan salah laku dalam sebarang aktiviti dan akan menerajui usaha Kementerian untuk meningkatkan kecekapan rangka kerja pengurusan risiko rasuah, sistem kawalan dalaman, penilaian dan pemantauan serta latihan dan komunikasi. Bagi tujuan tersebut, Kementerian akan melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

1. Mewujudkan dan memastikan kesinambungan serta membuat penilaian secara berkala ke atas program pematuhan berhubung antirasuah termasuklah objektif dan dasar yang mencukupi bagi menangani risiko rasuah;

2. Mempromosi budaya integriti dalam Kementerian;
3. Mengeluarkan arahan, polisi dan pernyataan komitmen Kementerian berhubung antirasuah dan seterusnya diuar-uarkan kepada warga Kementerian dan pihak luar;..
4. Menggalakkan penggunaan sistem pelbagai medium pelaporan atau “pemberi maklumat” bagi melaporkan tentang pihak yang disyaki terlibat dalam sebarang salah laku dan jenayah rasuah;
5. Melantik seorang pegawai khusus yang bertanggungjawab melaksanakan tugas berkaitan pematuhan undang-undang atau peraturan berkenaan antirasuah, termasuklah memberi nasihat dan bimbingan kepada pegawai dan pihak berkepentingan melalui program antirasuah yang dilaksanakan; dan,
6. Memastikan hasil laporan audit, penilaian risiko, langkah kawalan dan prestasinya dilaporkan kepada Pengurusan Tertinggi.

Prinsip II: Penilaian Risiko Rasuah

Penilaian risiko rasuah dijadikan asas kepada usaha antirasuah Kementerian. Sehubungan itu, Kementerian akan melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala dan apabila terdapat perubahan dalam undang-undang atau keadaan melalui pengenalpastian risiko, analisis, penilaian dan memberi keutamaan kepada risiko rasuah dalaman dan luaran bagi organisasi berkenaan. Hasil penilaian risiko ini akan dijadikan asas untuk mewujudkan proses, system dan kawalan yang diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi untuk mengurangkan risiko terdedah kepada unsur rasuah.

Prinsip III: Pelaksanaan Langkah Kawalan Dalaman

Kementerian akan mewujudkan langkah kawalan dan kontingensi yang munasabah dan bersesuaian bagi menangani sebarang yang berbangkit daripada kelemahan dalam rangka kerja tadbir urus, proses dan prosedur.

Prinsip IV: Pemantauan, Penilaian dan Penguatkuasaan Secara Sistematik

Pengurusan Tertinggi akan memastikan penilaian secara berkala bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program antirasuah dan memastikan program tersebut dilaksanakan. Penilaian tersebut boleh dijalankan melalui audit dalaman atau audit oleh pihak luar. Hasil penilaian boleh dijadikan asas untuk memantapkan usaha-usaha kawalan antirasuah sedia ada di Kementerian.

Prinsip V: Latihan dan Komunikasi

Kementerian akan membangunkan dan menghebahkan maklumat berhubung sistem pengurusan antirasuah melalui latihan dan komunikasi dalaman dan luaran yang bersesuaian dengan operasi meliputi perkara-perkara berikut:

Dasar - Saluran pelaporan aduan; dan,

Latihan - Kesan ke atas ketidakpatuhan peraturan berkaitan.



4.2 MEKANISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara cekap dan sistematik, Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan, Pelaksanaan dan Pemantauan OACP berdasarkan “Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 – Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia.”

Ketiga-ketiga peringkat ini memberi tumpuan kepada tugas-tugas berikut:

- Peringkat Kementerian (Peringkat Pengurusan Tertinggi); dan,
- Peringkat Operasi

GOVERNANS INTEGRITI ANTIRASUAH

Penilaian risiko rasuah, pengesahan dasar dan penyelesaian, pelaksanaan program dan aktiviti serta pemantauan dan penilaian prestasi. Butiran struktur adalah seperti berikut:

Struktur Tadbir Urus Pelan OACP KBSS 2021-2025	Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kementerian (Dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap)
	Ketua Penolong Setiausaha sebagai Ketua Sekretariat bagi menilai prestasi semasa inisiatif yang dilaksanakan melalui Laporan Pemantauan Berkala
	Terima laporan prestasi suku tahun Pelan OACP KBSS dari Semua Ketua Bahagian • Dapatkan penjelasan dari pelaksana pelan tindakan • Mengsahkan serta persetujuan dasar dan membuat keputusan • Memperakukan isu dan laporan untuk dikemukakan kepada JAR Kementerian jika diperlukan.
	Ahli: Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian; Semua Ketua Bahagian Kementerian; Pengurus Besar Lembaga Sukan Negeri Sabah; dan, Pengarah Majlis Sukan Negeri Sabah. • Memantau prestasi pelaksanaan inisiatif • Mendapatkan penjelasan daripada pihak pelaksana • Menyediakan laporan ringkas suku tahun dan laporan penuh pencapaian Pelan OACP KBSS • Memperakukan laporan

4.3 KERANGKA PELAKSANAAN PELAN OACP KBSS 2021-2025


Pelaksanaan Pelan OACP KBSS merangkumi semua peringkat di Kementerian dan Agensi. Peringkat-peringkat ini saling berkait dan memainkan peranan penting dalam menyokong pelaksanaan, pelaporan dan semakan pelan ini. Hubungan ini juga membantu memastikan persefahaman bersama, pembentukan dasar yang mampan, komitmen terhadap perkongsian sumber dan pelaksanaan yang teratur. Secara keseluruhannya, kerangka pelaksanaan Pelan OACP KBSS ini akan mempermudah pelaksanaan strategi dan inisiatif antirasuah di Kementerian.

4.4 MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan Pelan OACP KBSS, semua Warga Kementerian dan agensi dikehendaki:


- i. Melantik desk officer tetap bagi memantau pelaksanaan pelan tindakan di Bahagian masing-masing.
- ii. Melaksanakan program-program berkaitan yang telah ditetapkan dan membuat pemantauan ke atas pelaksanaan program-program tersebut.
- iii. Mengemukakan laporan pelaksanaan masing-masing bagi setiap suku tahun kepada Ketua Urus Setia JAR.

Penilaian pencapaian Pelan OACP KBSS ini akan dijalankan pada setiap dua kali setahun. Satu kajian semula Pelan OACP KBSS dan kajian keberkesanan akan dibuat pada tahun 2023 untuk menentukan keberkesanan secara holistik. Penilaian prestasi bagi setiap pelan tindakan yang telah digariskan hendaklah dibuat bagi memastikan peratus (%) pelaksanaannya mengikut perancangan dalam tempoh masa yang ditetapkan.



MEKANISME PENILAIAN

Keutamaan penilaian merupakan amalan penting bagi memastikan setiap tindakan yang diambil telah memenuhi jangkaan dan matlamat Pelan OACP KBSS. Dalam mengenal pasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif, semua program akan sentiasa dipantau dan dinilai berdasarkan mekanisme berikut:



KESIMPULAN

Kejayaan pelaksanaan semua 10 inisiatif dalam tempoh 5 tahun akan datang bakal menentukan hala tuju baharu Kementerian.

Melihat kepada ketegasan Kerajaan Malaysia dalam memerangi rasuah di dalam negara, Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) sebagai sebuah Kementerian Negeri akan sentiasa berusaha menyahut seruan dan mengambil berat komitmen yang telah dinyatakan oleh Kerajaan dengan memberi sokongan penuh kepada semua usaha pengukuhan integriti, governans dan anti rasuah. Lantaran itu, Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) turut memperlihatkan komitmen dengan membangunkan Pelan OACP KBSS dalam menyokong dasar antirasuah Kerajaan.

Intipati Pelan OACP KBSS ini mengandungi tindakan yang perlu diambil sebagai menyahut dasar Kerajaan untuk memastikan Malaysia menjadi sebuah negara bebas rasuah.

Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah (KBSS) telah mengenalpasti sebanyak 83 risiko dan menggariskan 10 inisiatif yang perlu dilaksanakan bagi menangani isu tadbir urus, integriti dan anti rasuah secara menyeluruh dengan tempoh lima tahun untuk dilaksanakan. Melalui tiga (3) strategi, Pelan OACP KBSS akan bertindak sebagai instrumen serta panduan strategik dalam memastikan segala langkah dan usaha pembasmian jenayah rasuah berjaya direalisasikan.

Bagi memastikan keberkesanan Pelan OACP KBSS ini, pelaksanaan semua inisiatif yang telah dikenal pasti akan dipantau dan dikaji semula secara berkala. Kementerian akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dengan mengambil kira maklum balas, nasihat dan panduan daripada pelbagai pihak supaya inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan dan terus menjadi panduan dan rujukan semua pihak dalam menangani salah laku dan jenayah rasuah.

Kejayaan pelaksanaan semua 10 inisiatif dalam tempoh lima (5) tahun akan datang bakal menentukan hala tuju baharu Kementerian dalam aspek penambahbaikan governans, integriti dan anti rasuah untuk kelangsungan dan kelestarian pelan ini pada masa hadapan.



PENGHARGAAN

Ucapan Terima Kasih Yang Tidak Terhingga Kepada ;

Yang Berhormat Datuk Ellron Angin
Menteri Belia Dan Sukan Negeri Sabah

Yang Berhormat Datuk Fairuz Renddan
Pembantu Menteri Belia Dan Sukan Negeri Sabah

Datuk Mansur Hj. Asun
Setiausaha Tetap Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah (KBSS)

Encik Adanan@Adnan Bin Atin
Timbalan Setiausaha Tetap I Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah (KBSS)

Encik Charles William Dabbi
Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Belia Dan Sukan Negeri Sabah (KBSS)

Encik Terrence Edward Pudín
Pengurus Besar Lembaga Sukan Negeri Sabah (LSNS)

Encik Mohd Asneh Mohd Noor
Pengarah Majlis Sukan Negeri Sabah (MSN)

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan Pelan Antirasuah Kementerian Belia dan Sukan (N) Sabah 2021 -2025

JAWATANKUASA KERJA OACP

Dg Mas Safiah Hj Ag Mahali
Ketua Penolong Setiausaha
Kumpulan Tadbir Urus Baik

Rumaizah Binti Ajmain
Penolong Setiausaha Kanan (Khidmat
Pengurusan)

Safraz Remy Alfyan Bin Simudah@Zaidi
Penolong Setiausaha (Pembangunan)

Mohd Fadzil@Fakry Bin Maruji
Penolong Setiausaha (Pemantauan Sukan)

Sharty Nazirah Binti Sharin
Penolong Setiausaha (Pembangunan
Sumber Manusia & Latihan)

Chelsea Daphne Charles
Penolong Setiausaha (Penyelidikan &
Dokumentasi)

Theresa Binti Simok
Penolong Setiausaha (Rekod & Aset)

Syaza Idznur Binti Sallehuddin
Penolong Setiausaha (Integriti)

Adeka Anding Aganduk
Penolong Setiausaha (Digital)

Pamela Joan George
Penolong Pegawai Tadbir (Belia)

Muhammad Isam Bin Kaim
Penolong Akauntan Kanan



PELAN **ANTIRASUAH** KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (N) SABAH **2021 - 2025**